

Pendedahan, pembudayaan STEM dalam pendidikan


Pelajar FPP UMS adakan program STEM di SK Kampung Contoh Petagas

WB 11-2019 15

DALAM usaha untuk melahirkan murid-murid sekolah rendah yang kreatif, inovatif, mampu untuk meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah, serta memberi pendedahan dan pembudayaan STEM dalam pendidikan, Fakulti Pendidikan dan Psikologi Universiti Malaysia Sabah (FPP UMS) mengadakan Program Science, Technology, Engineering & Mathematics (STEM) di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Contoh Petagas pada 9 November 2019.

Program ini melibatkan 50 orang murid tahun 5 dan 6, serta penglibatan 11 orang pelajar Sarjana Kurikulum Pendidikan FPP Semester 1, UMS sebagai fasilitator dan guru-guru sekolah sebagai ahli jawatankuasa pelaksana program.

Terdapat beberapa aktiviti yang telah dilaksanakan dalam program ini, iaitu membuat lembaran kerja berdasarkan senario permasalahan yang telah diberikan, kemudian murid membuat perbincangan dalam kumpulan



BIMBING: Peserta dibimbing oleh fasilitator dalam menghasilkan prototaip.

berdasarkan permasalahan yang dihadapi iaitu masalah kesesakan jalan raya di kampung serta perkembangan dan inovasi dalam penciptaan kereta.

Seterusnya, murid-murid menghasilkan prototaip bagi kenderaan masa hadapan, serta mencipta model kampung 10 tahun akan datang, sebagai

inisiatif untuk menyelesaikan senario permasalahan yang telah diberikan.

Dalam aktiviti ini, murid-murid menggunakan bahan-bahan terpakai seperti kotak, botol minuman dan sebagainya bagi menggalakkan kreativiti dan inovasi murid dalam mengolah bahan berkenaan untuk dijadikan

prototaip.

Akhir sekali, murid-murid membentangkan prototaip yang telah dihasilkan kepada panel penilai, dengan memasukkan elemen STEM dan ciri-ciri rekaan dalam setiap aspek komponen prototaip yang dihasilkan, seperti keperluan kepada masyarakat, penjagaan alam sekitar, nilai moral, perkembangan ekonomi dan keselamatan.

Program yang berlangsung bermula jam 7 pagi ini berakhir pada jam 3 petang, selepas sesi penutup dan penyampaian hadiah kepada kumpulan terbaik dan sijil penyertaan kepada semua peserta.


Menurut salah seorang peserta program Muhd. Aqief,




TERBAIK: Kumpulan terbaik bagi aktiviti mencipta prototaip kereta masa hadapan.



SOAL JAWAB: Guru Besar Pg Dahlan Pg Ibrahim bersoal jawab dengan peserta tentang prototaip kampung masa hadapan.



KAMPUNG: Model kampung masa hadapan.



KENANGAN: Gambar kenangan peserta, fasilitator, pensyarah dan guru.

11, "Saya seronok mengikuti aktiviti dalam program ini, kerana di samping dapat menghasilkan model kereta masa depan, saya dan rakan-rakan dapat mempelajari banyak ilmu yang baharu, seperti penggunaan teknologi dalam penghasilan kereta.

"Sekiranya program ini ada diadakan lagi, saya dan kawan-kawan akan turut serta dan ingin menghasilkan model yang lain," katanya. Majlis perasmian penutup program ini turut dihadiri oleh Pensyarah FPP UMS Profesor Madya Dr. Sophia

Abdullah, Guru Besar SK Kampung Contoh Pg Dahlan Pg Ibrahim, Penolong Kanan Ko-Kurikulum Ustaz Mohd Zaini Bugar, Penolong Kanan Kurikulum Dayangku Zainun Pg Yusof dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Latiffah Michael.